

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

PGT 221/4 : PENGURUSAN PENDIDIKAN

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana 4 soalan sahaja.

Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Huraikan ciri-ciri ORGANISASI FORMAL dan yang TIDAK FORMAL. Kenapakah organisasi tidak formal itu wujud di dalam organisasi formal? Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang terdapat di sekolah.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan PERSEKITARAN LUARAN dan PERSEKITARAN DALAMAN organisasi? Bagaimanakah Persekutaran Luaran dan Dalaman boleh mempengaruhi pengurusan sekolah.
3. Huraikan konsep-konsep PERANCANGAN, PENGELOLAAN dan PENYELIAAN di dalam Pengurusan Sekolah. Terangkan kenapakah fungsi-fungsi tersebut penting bagi kejayaan pengurusan sesebuah sekolah.
4. Huraikan konsep KOMUNIKASI di dalam pengurusan sekolah. Apakah halangan-halangan yang sering melanda komunikasi di antara pengetua dengan guru-gurunya? Terangkan bagaimanakah cara yang paling baik untuk mencapai komunikasi berkesan.
5. Andaikan anda seorang pengetua yang perlu membuat se suatu keputusan penting bagi sekolah anda. Pilih satu masalah dan huraikan langkah-langkah yang perlu diambil apabila membuat sesuatu keputusan? Nyatakan juga faktor-faktor yang perlu dititikberatkan.
6. "Di dalam sebuah organisasi yang besar, konflik tidak dapat tidak akan berlaku. Sebagai seorang pemimpin, tugas kita ialah mengelakkan konflik." Sejauhmanakah anda setuju dengan kenyataan di atas berdasarkan kepada pengetahuan dan kefahaman anda mengenai konsep konflik di dalam organisasi. Pada pendapat anda kenapakah hal ini berlaku dan terangkan bagaimanakah ianya dapat diurus dengan berkesan.

ooooooo

